

Keris ialah senjata bermata dua yang tajam dan bilahnya lurus atau berlok.

Empat komponen utama perlu ada pada keris iaitu hulu, pendokok, bilah dan sampir.

Keris adalah senjata

ampuh warisan budaya Melayu yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa jika digunakan dalam pertarungan.

'Kuasa' keris ini sangat besar hinggalah ada yang mengatakan, martabat bangsa akan hilang jika senjata ini

tidak dipertahankan kerana ia menjadi lambang kemegahan dan keperkasaan orang Melayu.

Pelbagai reka bentuk keris yang unik dan menarik mampu dihasilkan oleh tukang empu (pembuat keris).

KERIS MELAYU SEMENANJUNG

Keris dihasil dan digunakan oleh orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia termasuk dari Singapura hingga ke utara, ke kawasan orang Melayu di selatan Thailand.

SEJARAH KERIS MELAYU SEMENANJUNG

- Permulaan wujud keris di alam Melayu seawal abad ke-13 hingga 15 masihi.
- Ia dibuktikan melalui ukiran pada dinding candi yang dibina pada zaman Majapahit yang menunjukkan lakaran senjata berbentuk keris lurus dan lebar.

SENJATA WARISAN ALAM MELAYU KERIS



METRO AHAD MS: 24 19/6/2022

Bibir gajah

Belalai gajah

Lidah gajah

Janggut

Akut

Lembah

Puting Ganjar

Tulang

Kerawang

Alur

Lurah

Sampir



Hulu

Pendokok



KERIS Melela

KERIS BERBENTUK LURUS ATAU LOK ADA FALSAFAHNYA SENDIRI

1. KERIS LURUS

- Dikenali sebagai sarpa tapa atau ular bertapa.
- Dicipta berdasarkan prinsip iaitu apabila dikeluarkan daripada sarung semasa pertarungan bermaksud, ia mampu membunuh dengan cepat dan ringkas.

FUNGSI DAN KEGUNAAN KERIS

- Alat senjata
- Alat kebesaran
- Pelengkap busana
- Alat perdukunan
- Alat menjalankan hukuman
- Simbol maruah
- Lambang kuasa
- Autoriti dalam masyarakat Melayu

Batang serunai

Hujung tuntung

Lok

Tapak/kasut

2. KERIS LOK

- Dikenali sebagai sarpa lumuka atau ular menjalar
- Ia menyerupai ular sedang bergerak.
- Dikatakan keris ini boleh membunuh dengan cepat dan kejam.
- Penciptaan bentuk lok yang ganjil pada bilah keris melambangkan status dan kedudukan sosial pemiliknya.

3. KERIS BERLOK TIGA

- Digunakan pendekar, panglima, pahlawan dalam melaksanakan tugas mereka berkaitan keduniaan dan kerohanian.

4. KERIS BERLOK LIMA

- Mencirikan kepethan pemiliknya dalam berbicara dan mempengaruhi orang.

5. KERIS BERLOK TUJUH

- Melambangkan kewibawaan dan karisma dalam pemerintahan.

6. KERIS BERLOK SEMBILAN

- Menggambarkan falsafah kebijaksanaan dan kepimpinan.
- Biasanya dimiliki oleh raja atau pemerintah.

7. KERIS LOK 11

- Menzahirkan pemiliknya bercita-cita tinggi mencari kemajuan ekonomi dan sosial dalam kehidupannya.

8. KERIS LOK 13

- Bertunjang pada falsafah bahawa pemiliknya berani mati dan sanggup mempertahankan miliknya daripada dirampas.

KERIS PANJANG

- Juga dikenali sebagai keris alang, keris hukum atau keris kuasa.
- Panjang bilah keris lebih kurang 48 hingga 69 sentimeter.
- Berbentuk lurus.
- Berfungsi sebagai keris hukum atau keris kuasa.
- Digunakan untuk menjatuhkan hukuman kepada penjenayah dan penderhaka sultan kerana bilah keris yang panjang ini boleh menembusi jantung pesalah serta menamatkan riwayat dengan cepat.
- Sarung keris diperbuat daripada bahan mewah seperti gading gajah, perak atau emas sebagai lambang kuasa.



KERIS ANAK ALANG

- Saiznya lurus dan pendek.
- Panjang bilah mata antara 30 hingga 43 sentimeter.
- Digunakan untuk menjatuhkan hukuman.
- Ditempa daripada besi sebatang yang menggunakan campuran besi pamor.



KERIS PANDAR SARAS

- Ciri bilah keris mempunyai tulang di tengah mata bilah.
- Bilah dihasilkan daripada besi dan ada yang diperbuat daripada besi campuran.




KERIS BUGIS SEMENANJUNG

- Mempunyai bilah mata yang lebar dan tegap.
- Bilah mata keris ini ditempa daripada campuran beberapa jenis besi.
- Bilahnya jenis berpamor.
- Keistimewaan ini pada matanya yang berpamor, kelihatan tebal dan bertemppek.




KERIS MELELA

- Ciri ketara pada bilah ini ialah bilah matanya beralur, berlurah, berlembah dan terdapat tulang besar di tengah bilah.
- Dihasilkan daripada besi sebatang.
- Keris ini digunakan untuk bertarung.
- Ciri-ciri keris dengan bilah mata beralur, berlurah, berlembah dan bertulang akan menyebabkan mangsa mengalami pendarahan teruk serta cepat meninggal dunia.




METRO AHAD MS:25 19/6/2022

PROSES PEMBUATAN KERIS



Bangkah Kayu

- 1 Pemilihan besi
- 2 Mencantum dan mencampurkan besi





KERIS TOK CHU

- Keris ini direka cipta oleh empu (pandai besi) bernama Tok Chu.
- Keris mempunyai bentuk dan keunikan tersendiri yang berbeza daripada keris lain di Alam Melayu.




- 3 Mengetuk dan membentuk
- 4 Meluruh dan menyiapkan bilah keris
- 5 Membuat sarung dan hulu





KERIS SEMENANJUNG

- Reka bentuk keris ini mempunyai pengaruh ketara Bugis.
- Mempunyai bilah yang tegap, tebal, kukuh, dan berat.
- Pangkal bilahnya agak lebar dengan lok tidak begitu ketara.
- Bilah matanya juga rata, tidak berlurah dan tidak beralur.



KERIS BEKO

- Keris ini tidak digunakan untuk bertarung tetapi simbolik terhadap golongan berilmu atau guru.



KERIS TAJUNG

- Keunikan keris pada pakaian hulunya, pendodok, sampir dan batang serunai.
- Bilah mata keris ada yang berlok dan lurus.
- Ia adalah keris kuasa dan sering dibawa oleh sultan atau pembesar sebagai tanda kekuasaan.



KERIS CHOTENG

- Keunikan keris ini terdapat pada reka bentuk hulu dan sampirnya.
- Hulu keris ini berbentuk burung dengan paruh yang besar dan lurus.